KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 13 DISEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

13/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **MEMBANGUN OKU MADANI: KEJAYAAN DAN HARAPAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/membangun-oku-madani-kejayaan-dan-harapan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **NORAINI AHMAD DILANTIK TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** | |
| | https://www.myberitaterkini.com/2023/12/noraini-ahmad-dilantik-timbalan-menteri.html | MYBERITATERKINI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=zUK-s_JeRpI | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/datuk-seri-dr-noraini-ahmad-dilantik-sebagai-timbalan-menteri-x8qgzg0 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **WOMEN'S RIGHTS GROUPS HOPE FOR BETTER OUTCOME WITH UPDATED CABINET** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/12/women039s-rights-groups-laud-higher-number-of-women-in-cabinet | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **INDUSTRI PENJAGAAN, BERUPAYA MENJADI PEMANGKIN EKONOMI NEGARA** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/industri-penjagaan-berupaya-menjadi-pemangkin-ekonomi-negara | BERITA.RTM.GOV,MY |

13/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **ESTABLISHMENT OF ANTI-SEXUAL HARASSMENT SUPPORT GROUP TIMELY, SAYS FATIMAH** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/12/12/establishment-of-anti-sexual-harassment-support-group-timely-says-fatimah/ | THEBORNEOPOST.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/12/12/anti-gangguan-seksual-lindungi-mangsa-kanak-kanak-lelaki-fatimah/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **TEKANAN KEWANGAN PUNCA PASANGAN ENGGAN ADA ZURIAT** | |
| | https://tvstv.my/2023/12/12/tekanan-kewangan-punca-pasangan-enggan-ada-zuriat/ | TVSTV.MY |

# Membangun OKU Madani: Kejayaan dan Harapan



KPWKM sentiasa fokus dengan pembangunan kumpulan OKU dan menerusi Belajawan 2023, pelbagai inisiatif disediakan untuk mereka.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa fokus dengan pembangunan kumpulan sasar iaitu Orang Kurang Upaya (OKU).

Biasanya masyarakat kurang prihatin terhadap golongan ini, sekali gus kesedaran wujudnya golongan OKU dalam masyarakat perlu dipupuk sejak kecil lagi agar mereka tidak dipinggirkan.

Dalam hal ini, ibu bapa, warga pendidik dan semua pemimpin masyarakat seharusnya memainkan peranan dalam memberi kefahaman tentang perkara itu.

Berdasarkan statistik JKM sehingga 31 Oktober 2023, seramai 681,074 OKU berdaftar dengan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU).

Statistik ini adalah 1.8 peratus daripada penduduk Malaysia dan angka ini masih rendah berbanding laporan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati 15 peratus daripada rakyat sesebuah negara terdiri daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Selaras dengan itu, kerajaan menggubal pelan tindakan bagi meningkatkan martabat OKU supaya nasib mereka terbela.

Usaha kerajaan ini dapat dilihat melalui Belanjawan 2023 yang bertemakan 'Teguh Kita Menang Bersama' apabila pelbagai inisiatif disediakan seperti Bantuan golongan OKU (RM1 billion) seperti Elaun Pekerja Cacat (RM542 juta), Elaun OKU Tidak Berupaya Kerja (RM346 juta), Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPKT) (RM170 juta), Wang Saku Institusi Kurang Upaya (RM0.63 juta), dan Pemulihan Dalam Komuniti (RM109 juta).

Peruntukan juga diberikan kepada pelajar dan guru pendidikan khas di mana sebanyak RM20 juta dibekalkan untuk peralatan mengajar serta menambah baik fasiliti di sekolah berkeperluan khas.

Bagi menggalakkan lebih ramai OKU berniaga, kerajaan juga memperkasa Skim 1 OKU 1 Perniagaan dengan mengecualikan bayaran fi pendaftaran dan pembaharuan lesen perniagaan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan RM10 juta bagi pemberian baucar perjalanan kepada OKU melalui perkhidmatan e-hailing.

Kementerian Kewangan juga akan merintis Pusat Panggilan Mesra OKU dengan menggunakan mod panggilan video bersama khidmat jurubahasa isyarat bagi menyampaikan maklumat kepada OKU dan seramai 260,000 layak menerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM).

Sebanyak RM1.2 bilion disalurkan dalam bentuk penjagaan OKU kronik terlantar, OKU tidak upaya bekerja dan elaun pekerja, kadar elaun pelatih OKU yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti ditingkatkan kepada RM300 sebulan dan lebih 18 ribu pelatih OKU mendapat manfaatnya, pembiayaan khas oleh BSN disediakan sebanyak RM50 juta untuk usahawan OKU mikro.

Selain itu, sebanyak RM1 juta diberi kepada setiap universiti awam bagi melaksanakan Program Pengupayaan Komuniti MADANI dan Program Pemulihan Dalam Komuniti OKU.

Dari segi pendidikan, kerajaan menggalakkan komuniti rentan khususnya OKU mengikuti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti.

Dari segi pendidikan, kerajaan menggalakkan komuniti rentan khususnya OKU mengikuti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti.

Peruntukan sebanyak RM5 juta telah disediakan untuk manfaat 5,000 komuniti tumpuan di 105 kolej komuniti seluruh negara manakala, sebanyak RM30 juta ringgit telah disediakan bagi membekal peralatan sokongan pendidikan khas dan menyediakan kemudahan mesra OKU bagi memudahkan urusan murid dan guru sepanjang berada di sekolah.

Sebanyak RM1 bilion diperuntukkan untuk penyelenggaraan di semua jenis sekolah seperti sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah tamil dan cina termasuk sekolah pendidikan khas.

Dasar 1 Peratus Peluang Pekerjaan kepada OKU akan diperluas kepada golongan bekas banduan dan warga emas melalui padanan pekerjaan MYFutureJobs dan program MySTEP. – UTUSAN

# Noraini Ahmad Dilantik Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

Adam Hafiz Ahmad
12 Disember



Foto Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad

**PUTRAJAYA** – Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang sebelum ini pernah memegang portfolio sebagai Menteri Pengajian Tinggi, kini ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi sidang media khas di Putrajaya hari ini.

# Women's rights groups hope for better outcome with updated Cabinet

By S. INDRAMALAR

NATION

Tuesday, 12 Dec 2023

3:15 PM MYT

PETALING JAYA: Women's and seniors' rights advocates have voiced mixed responses to the Cabinet reshuffle announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

While some noted that the appointment of a woman deputy minister in the Finance Ministry was a positive step towards women's representation in key ministries, others cautioned that the new appointments could be disruptive.

"We welcome Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Datuk Aiman Athirah Sabu and Lim Hui Ying in their new portfolios which have a strong gender focus and look forward to working with and supporting them in advancing gender equality," said founder of NGO Engender Consultancy Omna Sreeni-Ong.

"Globally only 11% of finance ministers and central bank governors are women and so we laud the appointment of a female Deputy Finance Minister.

"With the institution of gender-responsive budgeting (GRB) across government, we hope that with this appointment, there will be greater attention to accelerating the GRB process and in turn equitable distribution of fiscal resources to benefit all Malaysians," says Omna.

With the reshuffle, Noraini replaced Aiman as the Deputy Women, Family and Community Development Minister.

The latter is now the Deputy Local Government Development Minister while Lim is the Deputy Finance Minister; she was formerly the Deputy Education Minister.

Women's Centre for Change, Penang programme director Karen Lai, however, said that the reshuffle could come at a price.

"The disruption prevents the accumulation of ministerial policy expertise at the risk of poor policy outcomes.

"The question is, on what basis was the reshuffling made? Political power struggles and internal horse trading is to my mind not an acceptable excuse for decisions which impact critical and vulnerable sectors of society, including women and children.

"While we welcome the increase in women's representation in executive decision-making, numbers alone are not enough. The women appointed as ministers or deputy ministers must prove themselves as substantively capable of leading their respective portfolios," said Lai.

She added that Noraini, when she was Higher Education Minister in 2020, was involved in "a fiasco" and that her appointment "has not inspired confidence" among women's groups.

"(She) was involved in a fiasco of a last-minute change to move university registration and classes online following a surge of Covid-19 cases in the country. She has been strongly criticised in that previous portfolio. Given the above track record, her new appointment has not inspired confidence among women's groups. That said, it's important to keep an open mind and move forward towards a constructive working relationship," said Lai.

In October 2020, Noraini (as the Higher Education Minister) called off in-person registrations and classes at public universities a day before students were set to register. She received a lot of complaints from parents, students and the public as this last-minute move left many students stranded on campus, some with not enough funds to return to their hometowns. She also faced other criticisms during her tenure.

Meanwhile, gerontologist and seniors' rights advocate Lily Fu felt that the reshuffle was timely with the new year just around the corner.

"We don't want seat-warmers and shoe-polishers. All in the Cabinet should pull up their socks and put their shoulders to the plough," she said.

Fu then added that her biggest concern is for the new Health Minister to look into setting up more Rumah Ehsan for long-term care for the elderly as there are only two nationwide at the moment

"Healthcare may be affordable at government clinics and hospitals but it's unbelievable that our senior citizens have to wait for months to see a doctor for a checkup. For the elderly, time is not on their side," she said.

With Malaysia set to become an aged nation, all ministries should come together to make our public buildings, our parks, our towns and cities more age-friendly. Get the grassroots involved in dialogues," added Fu.

# Industri penjagaan, berupaya menjadi pemangkin ekonomi negara

Kategori: Nasional - Kemas kini: 12 Disember 2023 03:34 PM - Jumlah kunjungan: 93



*Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri/BERNAMA*

***KUALA LUMPUR, 12 Disember***- Industri penjagaan merupakan dimensi baharu bagi memenuhi keperluan penjagaan warga emas, kanak-kanak dan golongan orang kurang upaya (OKU).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata penjagaan sedemikian berupaya menjadi pemangkin ekonomi sekali gus, menggalakkan penglibatan kaum wanita dalam sektor tenaga buruh.

"Pembangunan ekonomi penjagaan ini meliputi satu ekosistem yang luas memerlukan pendekatan keseluruhan kerajaan kerana ia mencakupi soalan ekonomi, penyediaan ilmu kemahiran, profesionalisme dan kompetensi penjaga, banyak lagi serta pelbagai sektor yang merentasi bidang kuasa kepakaran yang merentasi kementerian.

"Justeru, kerajaan kini dalam usaha pemetaan pemegang taruh *(stakeholders mapping)* agar keperluan dan penglibatan industri penjagaan diteliti lebih jelas", katanya.

Tambahnya, beberapa langkah awal telah dikenal pasti bagi memperkukuh industri penjagaan termasuklah memperkasa peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mengadakan libat urus bersama pemegang taruh bagi memperkasa pembangunan industri tersebut.

Datuk Seri Nancy berkata demikian ketika menjawab pertanyaan senator Datuk Dr Mohd Hatta Md. Ramli berhubung komitmen Kerajaan menyediakan sistem sokongan yang inklusif.

## Establishment of anti-sexual harassment support group timely, says Fatimah

BY PATRICIA GARI ON DECEMBER 12, 2023, TUESDAY AT 6:27 PM SARAWAK



*Fatimah (seated centre) in a group photo after the meeting.*

KUCHING (Dec 12): The formation of the Anti-Sexual Harassment (ASH) Support Group is timely in the efforts to raise awareness of this "hideous problem" among the community at large, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister said the establishment of this support group will also play a role in helping victims of sexual assault, especially children, to seek justice.

She said the ASH Support Group is chaired by Assoc Prof Dr Aida Shafreena Ahmad Puad with the Sarawak Women and Family Department (JKWS) and Sarawak Social Council (MPS) serving as the secretariat.

"It started with a very small group of parents, families, and friends of child victims who were sexually abused in school by their teachers.

"The group registered as a non-governmental organisation (NGO) to provide support to families and the victims themselves," she told a press conference after chairing the Third Sarawak Women and Family Council (MWKS) Meeting at Wisma Wanita here today.
Fatimah, who is an advisor to the NGO, said that currently, there aren't many resources or support for the child victim because of the general tendency of society at large and school authorities to judge the child and sympathise with the perpetrator.

"There is a need for a holistic approach to tackling sexual violence in schools and institutions of higher learning.

"This NGO will assist the victims of sexual harassment and their families on actions that need to be taken after an incident; provide them with legal and moral support such as counselling; connect families to the relevant agencies as well as provide continuous training through training of trainers (ToT)," she said.

She noted that the support group, comprising of educators, psychologists, legal professionals, social workers and counsellors, will work closely with the police, Sarawak Education Department, universities and colleges.

"This NGO's support services are not confined to child victims only, but we are also open to assisting others.

"We at MPS give our 100 per cent support to the establishment of this NGO. I myself have seen and found the input and success of the activities carried out by this support group," she said.

On the meeting, Fatimah said there were nine main focuses which will be implemented next year, including anti-sexual harassment, women's leadership, citizenship, poverty eradication and economic prosperity as well as Sarawak, an ageing state by 2028.

She said the meeting also discussed the celebration of the state-level Women's Day 2024 which will be held on April 27 next year.

"Sibu has been selected as the host for the celebration," she said, noting that the event will be held in April this time around due to March being the month of Ramadan.

She also said that one of the highlights of the celebration, themed 'Sarawak Women in Innovation and Technology', included the launch of a book entitled 'Sarawak's Women in Innovation and Technology'.
Among those present were Deputy Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Datuk Rosey Yunus, the ministry's permanent secretary Noriah Ahmad and Social Development Council executive secretary Dr Zufar Yadi Brendan Abdullah.



Antaranya, Klinik Subfertility Pulau Pinang bagi Zon Utara, Klinik Subfertility bagi Zon Tengah dan Klinik Subfertility Johor Bahru di Zon Selatan.

"Di bawah Rancangan Malaysia ke-12, kerajaan telah meluluskan pembangunan Pusat Subfertility Negara di Shah Alam, Selangor bernilai RM171 juta dijadualkan siap 2029.

"Pusat ini bakal menyediakan segala rawatan kesuburan di bawah satu bumbung dengan menawarkan perkhidmatan kesuburan serba moden dengan caj berpatutan," katanya. – TVS

*By* ***Amirah Shawel*** **#bm,** **Malaysia** **December 12, 2023**

KUALA LUMPUR, 12 Dis: Tekanan terhadap pengurusan kewangan antara faktor yang mempengaruhi segelintir pasangan suami isteri mengecilkan keluarga mereka, kata Datuk Seri Nancy Shukri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu berkata kesedaran tersebut memberi kesan yang negatif kepada kadar kesuburan negara.

Menurutnya, kerajaan telah memperkenal beberapa inisiatif bagi membantu pasangan yang ingin berkahwin menimang cahaya mata.

"Antaranya pengecualian cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 untuk yuran penjagaan dan tadika sehingga penilaian tahun 2024, selain pengecualian cukai bagi wanita yang kembali bekerja sehingga 31 disember 2027.

"Selain itu, pindaan akta dan dasar juga telah ditambah baik agar lebih mesra kepada ibu bapa mendapat anak seperti kemudahan cuti tanpa gaji untuk menjaga anak (cuti sehingga 5 tahun untuk penjawat awam)," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Senator Dato Dr Mohd Hatta Md Ramli tentang usaha kementerian dalam memastikan kadar kesuburan negara dipertingkat.

Tambah Nancy, faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan pasangan dalam menentukan bilangan ahli keluarga ialah pilihan gaya hidup, masalah kesuburan dan lewat berkahwin.

Sementara itu, kementeriannya turut menyediakan perkhidmatan kesuburan kepada pasangan yang mempunyai kesulitan mendapatkan zuriat di tiga klinik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengikut zon.

Antaranya, Klinik Subfertility Pulau Pinang bagi Zon Utara, Klinik Subfertility bagi Zon Tengah dan Klinik Subfertility Johor Bahru di Zon Selatan.

"Di bawah Rancangan Malaysia ke-12, kerajaan telah meluluskan pembangunan Pusat Subfertility Negara di Shah Alam, Selangor bernilai RM171 juta dijadualkan siap 2029.

"Pusat ini bakal menyediakan segala rawatan kesuburan di bawah satu bumbung dengan menawarkan perkhidmatan kesuburan serba moden dengan caj berpatutan," katanya. – TVS

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI TUNJUK ANU DALAM MRT DITAHAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 DIS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki tunjuk anu dalam MRT ditahan

**Kuala Lumpur:** Polis menahan seorang lelaki selepas disyaki berkelakuan tidak senonoh apabila menunjukkan kemaluannya kepada seorang wanita dalam tren Transit Aliran Massa (MRT) di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari berkata, suspek yang berusia 31 tahun itu kena tahan pada jam 11.40 malam di sekitar Bandar Sungai Long, Kajang.

"Polis menerima laporan daripada wanita tempatan berusia 22 tahun berhubung perbuatan tidak senonoh itu pada jam 9.32 malam, 5 Disember lalu.

"Siasatan awal mendapati kejadian berlaku ketika suspek berada di dalam sebuah tren MRT dari Stesen Kepong Baru ke Stesen Metro Prima di sini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, suspek mengaku menunjukkan kemaluannya ke arah pengadu ketika berada di dalam tren terbabit.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

**"Polis menerima laporan daripada wanita tempatan berusia 22 tahun berhubung perbuatan tidak senonoh itu pada jam 9.32 malam, 5 Disember lalu"**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BANK ISLAM'S CONTRACT TO MANAGE EFS EXTENDED BY A YEAR - FATIMAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 13 DIS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bank Islam's contract to manage EFS extended by a year — Fatimah

**KUCHING:** The Sarawak government has agreed to extend Bank Islam's contract for a period of one year to manage the Endowment Fund Sarawak (EFS) applications for 2024.

Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Dato Sri Fatimah Abdullah said the agreement was made during the state Cabinet meeting chaired by Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"During the meeting, our Premier has agreed to extend the contract of Bank Islam to manage EFS for another year until Dec 31, 2024," she told a press conference after chairing the EFS committee meeting at her office here yesterday.

Also present were her deputy minister Datuk Rosey Yunus, the ministry's permanent secretary Noriah Ahmad, and Bank Islam Malaysia Berhad deposits and cards director Mohd Noor Jab.

Fatimah said Bank Islam had also agreed to maintain all existing facilities and benefits.

She said the bank is expected to send a draft for the Memorandum of Agreement (MoA) to her ministry by the end of this week.

"After that, we will submit the MoA draft to the State Attorney General's Department for the final verification before the agreement can be signed," she said.

Fatimah, who is EFS committee chairperson, said a total of 104,804 Sarawakian children now own EFS accounts as of Nov 30.

She said the amount involved an allocation of RM104.8 million from the Sarawak government.

"For this year, the total number of births in Sarawak with 'K' status is 30,657 while the number of EFS applications is 20,303 or 66 per cent as of Nov 30," she said.

She expressed her appreciation and gratitude to Abang Johari for allocating RM15 million for the EFS programme in the 2024 State Budget.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATIMAH: ESTABLISHIMENT OF ASH SUPPORT GROUP TIMELY | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 13 DIS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Fatimah: Establishment of ASH support group timely

Patricia Gari

**KUCHING:** The formation of the Anti-Sexual Harassment (ASH) Support Group is timely in the efforts to raise awareness of this "hideous problem" among the community at large, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister said the establishment of this support group will also play a role in helping victims of sexual assault, especially children, to seek justice.

She said the ASH Support Group is chaired by Assoc Prof Dr Aida Shafreena Ahmad Puad with the Sarawak Women and Family Department (JKWS) and Sarawak Social Council (MPS) serving as the secretariat.

"It started with a very small group of parents, families, and friends of child victims who were sexually abused in school by their teachers.

"The group registered as a non-governmental organisation (NGO) to provide support to families and the victims themselves," she told a press conference after chairing the Third Sarawak Women and Family Council (MWKS) Meeting at Wisma Wanita here yesterday.

Fatimah, who is an advisor to the NGO, said that currently, there aren't many resources or support for the child victim because of the general tendency of society at large and school authorities to judge the child and sympathise with the perpetrator.

"There is a need for a holistic approach to tackling sexual violence in schools and institutions of higher learning.

"This NGO will assist the victims of sexual harassment and their families on actions that need to be taken after an incident; provide them with legal and moral support such as counselling; connect families to the relevant agencies as well as provide continuous training through training of trainers (ToT)," she said.

She noted that the support group, comprising of educators, psychologists, legal professionals, social workers and counsellors, will work closely with the police, Sarawak Education Department, universities and colleges.

"This NGO's support services are not confined to child victims only, but we are also open to assisting others.

"We at MPS give our 100 per cent support to the establishment of this NGO. I myself have seen and found the input and success of the activities carried out by this support group," she said.

On the meeting, Fatimah said there were nine main focuses which will be implemented next year, including anti-sexual harassment, women's leadership, citizenship, poverty eradication and economic prosperity as well as Sarawak, an ageing state by 2028.

She said the meeting also discussed the celebration of the state-level Women's Day 2024 which will be held on April 27 next year.

"Sibu has been selected as the host for the celebration," she said, noting that the event will be held in April this time around due to March being the month of Ramadan.

She also said that one of the highlights of the celebration, themed 'Sarawak Women in Innovation and Technology', included the launch of a book entitled 'Sarawak's Women in Innovation and Technology'.

Among those present were Fatimah's deputy minister Datuk Rosey Yunus, the ministry's permanent secretary Noriah Ahmad and Social Development Council executive secretary Dr Zufar Yadi Brendan Abdullah.



Fatimah (seated centre) in a group photo after the meeting.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JOBLESS MAN JAILED, FINED FOR ASSAULTING, THREATENING TO KILL WIFE | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 13 DIS 2023 | M/SURAT : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Jobless man jailed, fined for assaulting, threatening to kill wife

**KUCHING:** The Magistrates' Court here yesterday sentenced an unemployed man to four months' jail and a fine of RM1,500 in default three months' imprisonment for punching and threatening his wife.

Sebastian Freddy Tan, 32, pleaded guilty before magistrate Mason Jaro Lenya Barayan after the two charges were read to him by a court interpreter.

On the first charge under Section 323 of the Penal Code read together with Section 326A of the same Code, he was charged with causing hurt to his 31-year-old wife by punching her in the face.

On the second charge under Section 506 of the Penal Code, Tan was charged with committing criminal intimidation against the victim.

Both offences were committed at a rented house in Jalan Sekama here at around 5.45am on Dec 9, 2023.

According to the facts of the case, Tan's wife was about to go to work when she and her husband became embroiled in an argument, after he had discovered WhatsApp messages between her and another man.

Tan scolded his wife before punching her on her left shoulder and face, and also threatened to kill her.

He was arrested around 9pm the same day after his wife filed a police report.

A urine test conducted later found Tan to be positive for amphetamine and methamphetamine.

Insp Merylene Lindan Andrew Mang prosecuted the case, while Tan was unrepresented.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MANFAATKAN SEPENUHNYA KEMUDAHAN DIGITAL DALAM PENDIDIKAN: FATIMAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAAK) |
| TARIKH | : | 13 DIS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Manfaatkan sepenuhya kemudahan digital dalam pendidikan: Fatimah




**TAHNIAH:** Fatimah (baris belakang, tengah) merakam kenangan bersama antara pelajar cemerlang SMK Oya yang diraikan pada majlis tersebut kelmarin.

**MUKAH:** Tenaga pengajar serta semua warga pendidik dinasihatkan untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan digital dalam pendidikan.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, perkara itu bakal banyak membantu sama ada daripada aspek akademik, kurikulum mahupun kokurikulum.

"Guna sepenuhnya kemudahan digital untuk tarik minat pelajar dan sesiapa sahaja yang berkaitan khasnya dalam pendidikan," katanya ketika Majlis Apresiasi Kecemerlangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Oya kelmarin.

Bagi menyokong hal itu, beliau menyatakan SMK Oya akan menerima sebuah skrin LED pada tahun depan.

Penggunaannya diharap membantu khususnya dalam kalangan warga pendidik dalam membentuk minat golongan sasar dalam pendidikan.

Selain itu, Fatimah turut menggalakkan penguasaan kemahiran lain dalam kalangan pelajar seperti penguasaan bahasa Inggeris.

Ini kata beliau, kerana selain bahasa Melayu, bahasa Inggeris turut digunakan sebagai salah satu daripada bahasa ilmu dan sebagai persediaan ke peringkat lebih tinggi.

Ini semua tambahnya, berkaitan kerana Sarawak telah mengisytiharkan pendidikan percuma pada 2026 terhadap warganya yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi milik negeri.

Mengenai program tuisyen, beliau mahu ia diteruskan pada 2024.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat memberitahu, program seperti itu amat diperlukan demi kejayaan dan masa depan pelajar.

Malah pendidikan perlu dititikberatkan mencakupi pelbagai peringkat bagi menjamin kejayaan pelajar.

Turut hadir pada majlis itu adalah Pegawai Pendidikan Daerah Dalat Magdaline Jon dan Pengetua SMK Oya Tawaran Gani.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENUBUHAN KUMPULAN SOKONGAN ANTI GANGGUAN SEKSUAL TEPAT | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAAK) |
| TARIKH | : | 13 DIS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penubuhan kumpulan sokongan Anti Gangguan Seksual tepat

**KUCHING:** Penubuhan kumpulan sokongan Anti Gangguan Seksual (ASH) tepat pada masanya dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai masalah 'ngeri' itu dalam kalangan masyarakat umum.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata penubuhan kumpulan sokongan itu juga berperanan membantu mangsa keganasan seksual khususnya kanak-kanakl mendapatkan keadilan

Beliau berkata kumpulan sokongan ASH itu dipengerusikan Profesor Madya Dr Aida Shafreena Ahmad Puad dengan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) dan Majlis Sosial Sarawak (MPS) selaku sektretariat.

"Bermula sebagai satu kumpulan yang kecil terdiri daripada ibu bapa, keluarga dan rakan mangsa kanak-kanak yang didera secara seksual di sekolah oleh guru mereka.

"Kumpulan ini mendaftar sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak memberi sokongan kepada keluarga dan mangsa itu sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Sarawak (MWKS) yang ketiga tahun ini di Wisma Wanita, di sini semalam.

Fatimah selaku penasihat kepada NGO itu memberitahu, ketika ini sumber dan sokongan  dari luar untuk mangsa kanak-kanak tidak banyak kerana kecenderungan masyarakat umum dan pihak berkuasa sekolah menilai mangsa serta bersimpati dengan pelaku.

"Terdapat keperluan untuk pendekatan holistik bagi menangani keganasan seksual di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

"NGO ini akan membantu mangsa dan keluarga mengenai tindakan yang perlu diambil selepas kejadian, memberi sokongan undang-undang serta moral seperti kaunseling, merapatkan keluarga kepada agensi yang berkaitan juga menyediakan latihan berterusan melalui latihan jurulatih (ToT)," katanya.



**UNTUK ALBUM: Fatimah (duduk tengah) merakam kenangan bersama yang lain selepas mengadakan sidang media susulan Mesyuarat MWKS di Wisma Wanita semalam.**

Kumpulan sokongan itu dianggotai pendidik, ahli psikologi, profesional undang-undang, pekerja sosial dan kaunselor serta menjalinkan kerjasama rapat dengan polis, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, univesiti dan kolej, tambahnya.

"Perkhidmatan sokongan NGO ini tidak terhad kepada mangsa kanak-kanak sahaja tetapi terbuka untuk membantu orang lain.

"Kami MPS menyokong seratus peratus penubuhan NGO ini. Saya sendiri telah melihat dan mendapati input serta kejayaan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kumpulan sokongan ini," katanya.

Mengulas lanjut mengenai mesyuarat itu, Fatimah berkata sebanyak sembilan fokus utama akan dilaksanakan tahun depan, antaranya, antigangguan seksual, kepimpinan wanita, kewarganegaraan, membasmi kemiskinan dan kemakmuran ekonomi serta Sarawak negeri menua menjelang 2028.

Beliau memberitahu, mesyuarat itu turut membincangkan mengenai sambutan Hari Wanita 2024 Peringkat Negeri Sarawak yang akan diadakan pada 27 April.

"Bagi penganjuran kali ini, Sibu dipilih sebagai lokasi sambutan Hari Wanita 2024 Peringkat Negeri Sarawak.

"Biasanya ia diadakan pada Mac setiap tahun tetapi disebabkan ketika itu bulan Ramadan maka tarikhnya dianjak selepas Hari Raya Aidilfitri iaitu April," jelasnya.

Beliau berkata tema sambutan Hari Wanita 2024 Peringkat Negeri ialah 'Wanita Sarawak Dalam Inovasi dan Teknologi'.

Menurutnya lagi sempena sambutan Hari Wanita 2024 Peringkat Negeri, satu buku bertajuk 'Sarawak's Women In Inovation and Technology' bakal dilancarkan.

Hadir sama pada sidang media itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Noriah Ahmad, Setiausaha Eksekutif Majlis Pembangunan Sosial Dr Zufar Yadi Brendan Abdullah dan Profesor Madya Dr Aida Shafreena Ahmad Puad.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEJAMBAK KASIH KRISMAS LABUHKAN TIRAI 2023 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAAK) |
| TARIKH | : | 13 DIS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sejambak Kasih Krismas labuhkan tirai 2023

**MUKAH:** Majlis Sejambak Kasih Krismas yang berlangsung di Dalat kelmarin menjadi tanda tahun 2023 akan melabuhkan tirainya.

Majlis tersebut yang diadakan di Kompleks Kebajikan Dalat, telah dihadiri 120 penerima dari sekitar daerah Dalat.

Perasmian majlis disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat.

Dalam ucapannya, Fatimah menyatakan kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) telah banyak menyediakan pelbagai bantuan untuk segenap lapisan masyarakat setakat ini.

"Kita mahu setiap rakyat ada menerima sekurang-kurangnya salah satu bantuan bagi membantu mereka," katanya.

Perkara ini juga memastikan tiada seorang pun rakyat yang hidup dalam keadaan sangat daif, tambahnya.

Selain itu, pihak kerajaan turut membantu dalam mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat agar dapat keluar daripada garis kemiskinan.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Noriah Ahmad dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Adana Jed.



**TERIMALAH:** Fatimah menyerahkan hamper kepada salah seorang penerima kelmarin.